

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PERASMIAN PERSIDANGAN CUKAI NASIONAL KE-2, 2002

TEMPAT: PALACE OF THE GOLDEN HORSES

TARIKH: 03 SEP 2002

MASA:

Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada pihak penganjur, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Institut Percukaian Malaysia (MIT), kerana menjemput saya untuk merasmikan Persidangan Cukai Nasional ke -2, 2002 hari ini.

2. Persidangan ini adalah tepat pada masanya kerana Kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan Sistem Taksir Sendiri (STS) sebagai ganti kepada sistem taksir formal. Semasa membentangkan Belanjawan tahun 1999, sebagai tindakan untuk meningkatkan kecekapan sektor awam dan kerjasama dengan sektor swasta, saya telah mencadangkan supaya sistem taksir formal berhubung dengan cukai pendapatan ditukar kepada Sistem Taksir Sendiri. Langkah ini meningkatkan kutipan cukai hasil serta meningkatkan tahap pematuhan cukai di kalangan pembayar cukai. Dalam masa yang sama, Lembaga Hasil Dalam Negeri sebagai Pentadbir Cukai Langsung Malaysia telah diminta untuk mempergiatkan usaha mendidik rakyat umumnya dan pembayar cukai khususnya mengenai sistem baru ini.

3. STS adalah satu sistem baru daripada segi pematuhannya. STS bukanlah satu bentuk cukai baru. Perubahan yang ketara dalam STS ialah siapakah yang akan menentukan cukai yang kena dibayar walaupun tiada perubahan dalam cara menentukan cukai yang kena dibayar. Oleh kerana pembayar cukai bertanggungjawab untuk menentukan cukai maka adalah amat perlu dan penting bagi pembayar cukai mengetahui perundangan cukai yang sedia ada.

4. Pihak LHDN telah memulakan program pembelajaran cukai secara proaktif. Program tersebut telah dilaksanakan secara meluas di seluruh Malaysia. Menyedari bahawa tanggungjawab ini boleh diringankan dan di samping itu melipat gandakan bilangan rakyat yang boleh dididik, LHDN telah bekerjasama dengan persatuan perakaunan dan profesional serta dewan-dewan perniagaan. Ini adalah satu pendekatan yang menguntungkan semua pihak. Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk mewujudkan perkongsian pintar di antara sektor swasta dan awam. Persidangan ini menggambarkan perkongsian yang pintar kerana ia adalah tindakan berterusan bagi persahabatan

dan persefahaman di antara LHDN dan persatuan perakaunan dan profesional.

5. Cukai langsung dan tidak langsung yang dipungut oleh mana-mana Kerajaan sama ada negara membangun atau sedang membangun, merupakan sumber pendapatan utama kepada negara. Tanpa pungutan cukai yang baik adalah sukar bagi sesebuah negara untuk membiayai pembangunannya. Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang membangun tidak terkecuali. Kerajaan juga telah menggunakan cukai yang dikutip dengan bijaknya bagi membiayai perbelanjaan negara. Kita boleh berbangga dengan infrastruktur yang wujud di Malaysia yang telah dibiayai oleh pungutan cukai.

6. Bagi Belanjawan Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2002, 78.3 peratus berpunca daripada cukai. Daripada peratusan tersebut sumbangan cukai langsung ialah 37.2 peratus. Berdasarkan kepada statistik ini, kedudukan Malaysia adalah lebih kukuh berbanding dengan negara-negara membangun lain daripada segi sumber perbelanjaan Kerajaan Persekutuan untuk pembangunan negara.

7. Bagi tahun 2001, 18 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia merupakan bilangan pembayar cukai yang berdaftar. Persoalan yang timbul ialah sama ada semua yang layak membayar cukai menunaikan tanggungjawab mereka. Bagi tahun 2001, cukai langsung yang dipungut oleh LHDN berjumlah RM41.79 billion - iaitu, peningkatan sebanyak 43.29 peratus berbanding tahun 2000. Kutipan cukai berjumlah RM41.79 billion oleh LHDN adalah yang tertinggi dalam sejarah LHDN. Penyumbang utama terhadap jumlah ini adalah kumpulan syarikat yang telah menyumbangkan 51.64 peratus manakala cukai yang dipungut daripada orang-orang perseorangan hanyalah 20.09 peratus. Sumbangan komponen cukai lain ialah 23.59 peratus daripada cukai pendapatan petroleum, 3.94 peratus daripada duti setem, 0.54 peratus daripada cukai keuntungan harta tanah, 0.16 peratus daripada cukai pendapatan koperasi, 0.03 peratus daripada cukai aktiviti perniagaan luar pesisir, Labuan dan 0.01 peratus daripada cukai-cukai lain. Berdasarkan statistik ini kedudukan pematuhan boleh diperbaiki. Usaha-usaha berterusan sedang di ambil bagi meningkatkan pematuhan cukai. STS yang diperkenalkan oleh Kerajaan adalah ke arah pematuhan cukai secara sukarela. Dengan perlaksanaan STS, LHDN akan mengambil beberapa langkah positif dan inisiatif bagi membesarkan asas cukai. Antara langkah yang sedang dan akan dipergiatkan oleh LHDN ialah penguatkuasaan melalui aktiviti banci bisnes, audit dan penyiasatan. Dengan perlaksanaan aktiviti tersebut, bilangan pembayar cukai akan bertambah dan seterusnya pungutan cukai oleh LHDN akan berlipat ganda. Sekiranya semua orang yang layak dikenakan cukai membayar cukai mereka, kesannya ialah kita akan menikmati pembangunan yang lebih.

8. Di bawah STS, pembayar cukai diberi kepercayaan untuk membayar cukai yang sepatutnya mengikut perundangan cukai yang wujud. Oleh itu pembayar cukai perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan mengenai keperluan undang-undang cukai. Pada lazimnya, pembayar cukai akan mendapatkan nasihat dan kepakaran tuan-tuan dan puan-puan sebagai agen cukai untuk mengendalikan hal-ehwal percukaian mereka. Adalah diharapkan tuan-tuan dan puan-puan sentiasa akan mematuhi undang-undang cukai semasa menyediakan borang nyata pendapatan untuk pelanggan masing-masing.

9. Adalah difahamkan LHDN telah mengeluarkan kod etika agen cukai untuk dijadikan sebagai panduan tentang perkara yang sepatutnya dilakukan semasa membantu atau mewakili pembayar cukai dalam hal ehwal percukaian. Objektif utamanya adalah untuk meningkatkan profesionalisme di kalangan tuan-tuan dan puan-puan supaya orang awam yakin dengan perkhidmatan yang ditawarkan. Tatakelakuan yang diingini oleh Kerajaan menetapkan bahawa, dalam menjalankan tanggungjawabnya tuan-tuan dan puan-puan hendaklah sentiasa berintegriti, berkebolehan dan dapat memberikan nasihat profesional.

10. Sistem Taksir Sendiri adalah satu sistem di mana kepercayaan diberikan kepada pembayar cukai. Sistem ini juga menumpukan kepada kawal selia yang baik (good governance). Asal usul kawal selia yang baik telah wujud dalam budaya masing-masing -- sama ada secara peribadi, sosial, ekonomi dan budaya silang. Walau bagaimanapun, sejak tahun lapan puluhan, prinsip kawal selia yang baik telah diberi penekanan secara meluas. Contohnya, di peringkat antarabangsa, Bank Dunia dan Organisation for Economic Cooperation and Development (OECD) dan organisasi lain sama ada swasta atau pun awam telah juga menitik beratkan prinsip kawal selia yang baik. Di peringkat negara, Malaysian Institute of Corporate Governance (MICG) telah ditubuhkan sebagai usaha pihak swasta dalam tahun 1998.

11. Nilai kawal selia yang baik adalah berdasarkan antara lain, ketelusan, akauntabiliti, "disclosure", amanah, keyakinan dan integriti. Nilai kawal selia yang baik sememangnya telah terkandung dalam sistem taksir sendiri (STS).

12. Adalah sesuai di sini untuk kita bersama-sama mengimbas mengenai tema persidangan ini - iaitu, "Globalised Tax System In A Borderless World". Lembaga Hasil Dalam Negeri, sebagai pentadbir cukai langsung bagi negara, haruslah memberi perhatian terhadap permasalahan isu - isu cukai antarabangsa seperti "transfer pricing" dan "e-commerce" serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

13. Dengan lafaz bismillah hirrahma nirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Persidangan Cukai Nasional

ke - 2, 2002.